



## MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

#### JAWATAN

#### : PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L9

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
JADUAL GAJI – GRED L9	:	RM2,580.00 (minimum) - RM11,110.00 (maksimum)
ELAUN	:	Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM300.00
	:	Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
	:	Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM300.00

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00); atau
  - (ii) Sijil Amalan Guaman.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00); atau
  - (iii) *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00).

- (iv) Berpengalaman, berintegriti dan berkepakaran yang luas dalam undang-undang Sivil mahupun Syariah dalam mengendalikan isu-isu perundangan.
- Bertanggungjawab dalam penggubalan Enakmen, Peraturan Dan Kaedah-Kaedah Syariah Di Negeri Pulau Pinang, menguruskan kes-kes perundangan yang melibatkan Mualaf, Wakaf atau Baitulmal dan lain-lain berkaitan.
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang atau Jurubahasa Gred LA5, LA6, LA7 atau LA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang undang Gred L9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
    - (b) had umur pelantikan:
      - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
      - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
      - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- DESKRIPSI TUGAS**
4. Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- TARAF JAWATAN**
5. **KONTRAK**

**JAWATAN****: PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN  
KUMPULAN PERKHIDMATAN  
JADUAL GAJI – GRED H1  
ELAUN

: KEMAHIRAN  
: PELAKSANA  
: RM1,500.00 (minimum) - RM4,680.00 (maksimum)  
: Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115.00  
: Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00  
: Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM350.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
  - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
  - (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

- |   |    |   |
|---|----|---|
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU            | 2. | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.   |
| PROGRAM TRANSFORMASI<br>MINDA/PEPERIKSAAN | 3. | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.   |
| DESKRIPSI TUGAS                           | 4. | Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan / komunikasi) di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. |
| TARAF JAWATAN                             | 5. | <b>TETAP/KONTRAK</b>  |

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Setiausaha**

**Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tingkat**

**7, 8 & 9, Menara JKP**

**No.128, Jalan Macalister 10400**

**PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **24 OKTOBER 2025.**

**Catatan Am:**

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menjalani ujian dan temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada **anak Negeri Pulau Pinang** yang cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam.